

PERKEMBANGAN PENULISAN KALAM ASH‘ARI DI BARAT DUNIA ISLAM SELEPAS ERA IMAM SANŪSĪ (W.895H)

The Development of Ash‘ari Kalam Writing in the Western Islamic World after the Era of Imam Sanūsī (D. 895 AH)

Izham Hakimi Redzan*

ABSTRACT

The Ash‘ari theological madhab has firmly taken root in the Western Islamic World since the late fourth century of Hijrah. The presence of Ash‘ari scholars has been instrumental in the development and dissemination of Ash‘ari theology in the Western Islamic world, particularly during the era of Imam Sanūsī who successfully integrated two distinct schools of thought within the Ash‘ari madhab, namely the al-Mutaqaddimīn and al-Muta‘akhirīn factions. Furthermore, Imam Sanūsī has left behind many works, notably the compilation of theological treatises known collectively as al-‘Aqā’id as-Sanūsiyyah. This compilation consists of al-‘Aqīdah al-Kubrā, al-‘Aqīdah al-Wustā, al-‘Aqīdah as-Šughrā (Umm al-Barāhīn), Šughrā as-Šughra, Šughrā Šughrā as-Šughra (al-Hafīdah), and al-Mufīdah. These texts provide the fundamental framework for the renewal of Imam Sanūsī’s theological methodology. This renewal has empowered subsequent Ash‘ari theologians in the Western Islamic world after Imam Sanūsī’s era to independently interpret and engage in scholarly discussions on the theological matters and to innovate by producing writings rooted in commonly accepted

* Research Fellow, Institute of Islam Hadhari, National University of Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. izhamhakimi92@gmail.com.

foundations. This study employs a historical approach, delving into the evolution of the Ash‘ari madhab following the era of Imam Sanūsī. Additionally, it incorporates a textual analysis of theological discussions and scholarly works in the Western Islamic World, focusing on theological books. The analysis primarily aims to scrutinize the stylistic aspects of Ash‘ari theologians' writings and explore the creative dimensions inherent in their literary compositions.

Keywords: *The Development of Writing; Kalām Ash‘ari; Western Islamic World; Imam Sanūsī.*

PENDAHULUAN

Mazhab akidah Ash‘ari sudah lama bertapak di Dunia Barat Islam¹ semenjak penghujung kurun ke-4 Hijrah lagi. Antara pelopor mazhab Ash‘ari di Dunia Barat Islam termasuklah Abu ‘Imrān al-Fāsī (w.430H).² Beliau telah mengambil mazhab ini daripada Abu Dhar al-Harawī (w.434H)³ dan Abu Bakar al-Bāqillānī (w.402H). Selain daripada Abu

¹ Dunia Barat Islam (*al-Gharb al-Islāmī*) adalah satu kumpulan negeri yang mengabungkan beberapa buah negara di Afrika Utara bermula daripada Libya, Tunisia, Algeria, Maghribi dan Muritania, dan beberapa buah negara di Eropah seperti Spain, Portugal dan Selatan Perancis. Istilah ini merupakan istilah yang digunakan pada zaman dahulu sebelum kedatangan penjajah. *Al-Gharb al-Islāmī* terbahagi pula kepada berberapa pembahagian iklim, antaranya: *Ifriqiyah* (tunisia sekarang), *al-Maghrib al-Aqsā* (Maghribi dan Algeria sekarang), *al-Maghrib al-Adnā* (Libya sekarang), Bilād Shanqīt (Muritania sekarang), al-Andalus (Spain dan Portugal sekarang). Semua negeri-negeri ini mengikut pembahagian geografi pada zaman dahulu dikenali sebagai *al-Gharb al-Islāmī* yang boleh diterjemahkan sebagai “Dunia Barat Islam.” Lihat: Abderrahman al-‘Azāwī, *Tārikh al-Maghrib al-‘Arabī fī al-‘Asr al-Islāmī*, (Jordan, Dar al-Khalij, 2017), 14.

² Beliau ialah Musa bin Isa bin Abi Haj al-Ghafajūmi al-Fāsī, al-Faqīh al-Hāfiẓ al-‘Ālim al-Imām al-Muhaddith. Beliau menetap di Qayrawan dan berguru dengan Abu Ḥasan al-Qābisī. Berhijrah menuntut ilmu ke Cordoba untuk belajar daripada al-Asīlī dan ke Mashriq mengambil daripada al-Bāqillānī. Lihat: Muhammad Makhlūf, *Shajarah an-Nūr az-Zakiyyah fī Tabaqāt al-Mālikiyah* (Beirut, Dar Fikr, t.t), 106.

³ Beliau ialah Abdun bin Ahmad, al-Imām al-Hāfiẓ as-Tsiqah an-Nazzār. Imam di dalam bidang hadith. Berguru dengan al-Qādī al-Bāqillānī dan al-Qādī Ibnu al-Qaṣṣār.

‘Imrān al-Fāsī terdapat ulama *mutakllimīn* mazhab Ash‘ari yang lain seperti Darrās bin Ismā‘il (w.357H)⁴, Abu al- Ḥasan al-Qābisī (w.403H), Abu Bakar al-Murādī (w.489H)⁵ dan lain-lain.

Kewujudan tokoh-tokoh ini membantu perkembangan dan penyebaran akidah Ash‘ari di Dunia Barat Islam, seterusnya diangkat manhaj akidah ini sebagai akidah rasmi di Maghribi secara khususnya bermula daripada Dinasti Muwaḥḥidīn yang diasaskan lebih kurang pada tahun 541 hijrah sehingga sekarang Dinasti ‘Alāwiyyīn yang bermula pada tahun 1069 hijrah. Buktinya, selepas 217 tahun daripada kewafatan Imam Abu al- Ḥasan al-Ash‘arī (w.324H) akidah Ash‘ari sudah diangkat menjadi akidah rasmi di Dunia Barat Islam. Dari sudut pandang yang lain, selepas 70 tahun selepas kewafatan Imam Abu al- Ḥasan al-Ash‘arī akidah Ash‘ari sudah mula bertapak di Dunia Barat Islam.

Antara faktor yang membantu mempercepatkan perkembangan mazhab Ash‘ari di Dunia Barat Islam termasuklah kesesuaian mazhab ini dengan masyarakat di kawasan ini. Selain itu, manhaj akidah Ash‘ari ini merupakan satu-satunya jalan yang sesuai untuk mengekang kewujudan mazhab-mazhab ahli bid‘ah yang ada pada zaman tersebut

Beliau meriwayatkan Sahih Imam al-Bukhari daripada al-Mustamīlī, al-Kishmīhānī, as-Sarkhasī dan Muhammad al-Makkī daripada riwayat al-Farabī daripada Imam al-Bukhari. Antara murid beliau ialah Abu al- Ḥasan al-Qābisī, al-Asīlī dan Abu ‘Imrān al-Fāsī. *Ibid.* 1:105.

⁴ Beliau ialah Abu Maimūnah Darrās bin Ismail al-Fāsī, al-Faqīh al-Hāfiẓ an-Nazzārī, dikenali dengan ketakaunya. Beliau mendengar buku Ibnu al-Mawwāz daripada Ibnu Abi al-Maṭar dan Ibnu al-Labbād. Antara murid beliau ialah Abu al- Ḥasan al-Qābisī dan Ibnu Abi Zaid al-Qairawānī. Beliau antara orang yang terawal yang memasukkan mazhab maliki ke kota Fez dengan membawa bersamanya kitab al-Mudawwanah. *Ibid.* 103.

⁵ Beliau ialah Muhammad bin al- Ḥasan al- Hadramī yang dikenali sebagai al-Murādī. Beliau dilahirkan pada kurun kelima hijrah di al-Qayrawan. Beliau belajar dengan ulama-ulama di Andalus. Antara gurunya ialah Abu Marwān bin as-Sirāj, beliau mendengar daripadanya kitab at-Tabsirah. Antaranya juga, Abu al-Qāsim Abdurrahmān bin Umar at-Tamīmī. Al-Murādī dianggap sebagai salah seorang daripada ulama yang terawal menyebarkan mazhab Ash‘ari dan mazhab maliki di Maghribi. Lihat: Ahmad bin Muhammad al-Maqqarī at-Tilmisānī, *Azhār ar-Riyād fī Akhbār ‘Iyād*, (Maghribi, Sanduq Ihya at-Turath), 3:161.

seperti Muktazilah, Syiah, Khawārij (Šufriyyah & Ibadiyyah)⁶ dan Murjiah.

Selain daripada itu, penyebaran akidah Ash‘ari di Barat Dunia Islam bukan sahaja menjadikan akidah ini sebagai akidah rasmi bagi masyarakat di benua ini, bahkan mazhab ini terus berkembang sehingga terasasnya aliran pemikiran (school of thought) yang tersendiri dapat yang dikenali sebagai *al-Madrasah al-‘Aqīdah Ash‘ariyyah* di Barat Dunia Islam sehingga terdapatnya keistimewaan-keistimewaan tertentu yang ada pada *madrasah* ini yang boleh dibandingkan dengan aliran pemikiran saudaranya *al-Madrasah al-‘Aqīdah Ash‘ariyyah* di Timur Dunia Islam.

Begitu juga, madrasah akidah Ash‘ari di Dunia Barat Dunia Islam ini berkembang sehingga dapat diklasifikasikan dengan pelbagai fasa yang berbeza yang dapat dilihat dari sudut zaman, setiap satu daripada fasa mempunyai keistimewaan tersendiri. Antara fasa yang terpenting di dalam perkembangan *al-Madrasah al-‘Aqīdah Ash‘ariyyah* di Barat Dunia Islam termasuklah fasa Imam Sanūsī (*al-Marhalah as-Sanūsiyyah*)⁷ yang telah dipelopori oleh Imam Muḥammad bin Yūsuf Sanūsī (w.895H) yang berjaya mengabungkan dua aliran yakni aliran *Madrasah Mutaqddimīn*⁸ dan *Madrasah Muta’akhirīn*⁹. Hal ini kerana

⁶ Disebutkan bahawa akidah Khawārij sampai ke Barat Dunia Islam seawal tahun 105 Hijrah pada zaman pemerintahan Hishām bin ‘Abdul Malik. Lihat: Yūsuf Ihnānah, *Taṭawwur al-Mazhab al-Ash‘arī fī al-Gharb al-Islāmī*, (Maghribi, Wizarah al-Awqaf wa as-Shu‘un al-Islamiyah, 2017M), 50.

⁷ Fasa Imam Sanūsī adalah satu fasa yang penting di antara fasa-fasa perkembangan mazhab Ash‘ari dengan menggabungkan dua manhaj yang sebelumnya iaitu manhaj *Madrasah Mutaqddimīn* dan manhaj *Madrasah Muta’akhirīn*.

Madrasah Mutaqddimīn bermula pada era Abu Bakar al-Bāqillānī (w.402h) manakala *Madrasah Muta’akhirīn* bermula daripada zaman Fakhruddīn ar-Rāzī (w.606h).

⁸ *Madrasah Mutaqddimīn* bermula pada era Abu Bakar al-Bāqillānī (w.402h) yang menyempurnakan asas mazhab Abu Hassan Ash‘ari di dalam ilmu aqidah dengan meletakkan perbahasan, kaedah-kaedah, kerangka asas mazhab Ash‘ari. Selepas itu, kerangka ini dikembangkan oleh Imam Haramain al-Juwainī (w.478h) dengan mengembangkan manhaj yang ditinggalkan oleh al-Bāqillānī di dalam kitabnya as-Shāmil diringkaskan ke dalam kitab al-Juwainī dikenali sebagai *al-Irshād*.

⁹ *Madrasah Muta’akhirīn* bermula daripada zaman Fakhruddīn ar-Rāzī (w.606h) yang memasukkan banyak kaedah mantik dan falsafah yang boleh membantu dalam

metodologi pemikiran akidah Ash‘ari bersumberkan *hujjah* bukan berdasarkan *taqlīd* yang membolehkan ulama-ulama *mutakallimīn* ash‘arī terus berijtihad di dalam perbahasan-perbahasan furū‘ akidah dan berinovasi dengan menulis penulisan-penulisan berasaskan usul berlandaskan dasar yang disepakati.

Selain daripada Imam Sanūsī lahir juga tokoh-tokoh yang lain seperti Sheikh ‘Abdullah al-Habtī (w.963H)¹⁰ dan Sheikh Abu al-Mawāhib al-Ḥasan al-Yūsī (w.1102H)¹¹ yang meneruskan pengaruh perkembangan akidah Ash‘ari dan pengaruh Imam Sanūsī sehingga ke hari ini.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian yang berasaskan pendekatan kajian tekstual yang mengkaji dan menganalisa kandungan perbahasan dan olahan ulama pada Dunia Barat Islam dalam kitab-kitab akidah. Kajian ini lebih mengfokuskan kepada analisa gaya bentuk penulisan *mutakallimīn* Ashā‘irah di Dunia Barat Islam dan sudut kreativiti penulisan mereka.

penghujahan perbahasan akidah. Adapun fasa Imam Ghazālī ia merupakan fasa perubahan dan titik tolak diantara *manhaj mutaqaddimīn* kepada *manhaj muta‘akhirīn*.

¹⁰ Beliau ialah Abu Muhammad Abdullah bin Muhammad al-Habtī, al-Faqih al-‘Āmil al-‘Ālim, al-Mutaṣawwif. Beliau merupakan murid kepada Sheikh Abdullah al-Gazwīnī dan Sheikh at-Tabbā‘ yang merupakan anak murid kepada Sheikh al-Juzūlī (Penulis *Dalāl Khairāt*). Disebabkan ketinggian ilmunya di dalam ilmu feqah dan akidah gurunya Sheikh al-Gazwīnī selalu merujuk beliau dalam setiap permasalahan di dalam dua bidang ilmu ini. Beliau juga banyak menulis penulisan di dalam akidah yang mencampurkan dengan unsur-unsur tasawwuf. Lihat: Muḥammad bin ‘Askar al-Hasani as-Shifshaunī, *Dauḥatu an-Nāshir li Mahāsini man kāna bi al-Maghrib min Mashāyikh al-Qarn al-‘Āshir*, ed: Muḥammad Ḥajjī (Rabat, 1997M), 7-14.

¹¹ Beliau ialah al-Hasan bin Mas‘ūd al-Yūsi, merupakan guru kepada ulama-ulama di Maghribi. Beliau banyak banyak menulis samada penulisan dalam bentuk syair ataupun *an-nathr*. Antara guru beliau ialah Sheikh Muhamad bin Nāṣir ad-Dar‘ī (Penulisan doa *an-Nāṣirī*), Sheikh Abdul Qādir al-Fāsī al-Fihrī (penulis akidah ahli iman) dan lain-lain. Antara murid beliau ialah Abu Sālim al-‘Iyyāshī, Ahmad bin Mubārak as-Sijilmāsī dan lain-lain. Diantara penulisan beliau dalam akidah: *Ḩashiyah umm al-Barāḥin*, *Ḩāshiyah Kubrā Sanūsī*, *Mashrab al-‘Ām wa al-Khāṣ*. Lihat juga: Muhamad Makhlūf, *Shajarah an-Nūr az-Zākiyyah*, 1:474.

Kesemua perbahasan-perbahasan yang disebutkan di dalam kajian ini adalah merupakan hasil pungutan maklumat oleh penulis daripada lontaran idea-idea yang dilontarkan di dalam dalam kelas-kelas pengajian Prof. Dr. Khālid Zahrī¹² di Maghribi khususnya rajah-rajah yang disebutkan.

PERKEMBANGAN KALAM ASH'ARI DI BARAT DUNIA ISLAM SELEPAS ZAMAN IMAM SANŪSĪ

Antara pembaharuan (*tajdīd*) kerangka ilmu kalam pada era Imam Sanūsī termasuklah perletakan akidah sifat 20 sebagai kerangka asas bagi ilmu akidah. Selepas itu, ulama ash'ari di Barat Dunia Islam datang dengan beberapa pembaharuan penulisan-penulisan akidah seperti penulisan bertumpukan kepada satu nas (*Ta'lif an-Naṣ al-Mīhwārī*) yakni penulisan berbentuk *Sharḥ*, *Hāshiyah*¹³, *Turrah*¹⁴, *Taqyīd*¹⁵, *Ta'līq*¹⁶ dan sebagainya yang muncul pada awal kurun ke-8 Hijrah.

¹² Prof. Dr. Khālid Zahrī merupakan pensyarah di Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Kuliyyah Usuluddīn, Tetuoan-Maghribi. Pemikir dan pakar di dalam bidang akidah dan pemikiran Islam, begitu juga dalam bidang kajian manuskrip. Beliau banyak menghasilkan karya-karya penulisan ilmiah, antaranya termasuklah: *al-Fikr al-‘Aqadī li al-Mazhab al-Ashārī Khaṣāṣ wa Maqāsiduhu*, *Min ‘Ilmi al-Kalām ilā Fiqh al- al-Kalām*, *Tiqiyah at-Ta‘āmul ma‘a al-Kitāb al-Makhtūt* dan sebagainya.

¹³ *Hāshiyah*: ia adalah bahagian tepi buku, selalunya penulis ataupun penyalin manuskrip (*an-nāsikh*) akan meninggalkan ruang kosong pada bahagian tepi muka surat manuskrip supaya membolehkan pembaca untuk menuliskan komentar. Lihat: Shauqī Bīnbīn & Mustafā Tuobi, *Mu‘jam Mustalah al-Makhtut al-A‘rabi “Qāmus Kodīkologi”*, (Rabat, al-Khizānah al-Hassaniyyah, 2015M), 121.

¹⁴ *Turrah*: bermaksud kawasan kosong ditepi muka surat, kadang-kadang ia boleh berada di atas ataupun di bawah ataupun di kanan ataupun di kiri. *Ibid.*232.

¹⁵ *Taqyīd*: ia mempunyai banyak maksud diantaranya: *Sharḥ*, *Turrah*, penulisan yang kecil, komentar ke atas komentar, akan tetapi maksudnya pada awal perletakkan ialah bermaksud penulisan dan pensijilan. *Ibid.*99.

¹⁶ *Ta'līq*: ia juga membawa maksud *Hāshiyah* dengan makna penambahan ke atas nas samada dari segi syarahan, penambahan, pemberian (*istidrāk*) ataupun faedah-faedah yang didapat. *Ibid.*94.

Tujuan penulisan jenis-jenis yang telah disebutkan ditulis antaranya termasuklah:

- i. Menerangkan masalah yang rumit dalam sesuatu permasalahan ataupun mengkritik teks.
- ii. Meringkas permasalahan yang panjang.
- iii. Syarahan kepada nas asal ataupun matan.
- iv. Penambahbaikan pada nas asal ataupun matan.
- v. Himpunan faedah-faedah dan *an-nukat*.

Perkara ini juga dapat membantu kita untuk menganalisis pemilihan pendapat ilmu kalam (*al-Ikhtiyārāt al-Kalāmiyah*) seseorang penulis pada era ini. Era selepas Imam Sanūsī adalah seperti era-era yang lain, penulisan di dalam ‘Aqīdah Ash‘ari terus berkembang di Dunia Barat Islam. Akan tetapi apa yang membezakan era ini daripada era-era yang lain ialah ‘Aqīdah Ash‘ari telah mencapai tahap yang mekar dari segi perkembangan mazhab itu sendiri. Perkara ini dapat dilihat daripada beberapa aspek, antaranya:

- i. Wujudnya pendapat dalam permasalahan ilmu kalam yang dikenali sebagai *rājih*, *marjūh*, *mu’tabar*, *ghair mu’tabar*, *shāz* dan sebagainya.
- ii. Lahirnya apa yang diistilahkan sebagai *mutaakhirīn ashā’irah* dan *mutaqaddimīn ashā’irah*.
- iii. Lahirnya sebuah negara yang menjadikan ‘Aqīdah Ash‘ari sebagai satu pegangan umum seperti era-era yang lepas bermula secara rasmi pada Dinasti *Muwahhidīn* seterusnya *Mariniyyīn*, *Watṭasiyyīn*, *Sa’diyyīn* dan sehingga ke Dinasti ‘Alawiyīn.
- iv. Wujudnya karangan berbentuk ringkasan (*al-Mukhtaṣarāt*) yang mana merupakan satu bukti yang menunjukkan isi sesuatu ilmu itu telah tersusun dengan sempurna dan berkembang mekar.

BENTUK GAYA PENULISAN SELEPAS ERA IMAM SANUSI


Adapun bentuk penulisan yang wujud pada era selepas Imam Sanūsī secara umumnya ia boleh diringkaskan dan difokuskan berdasarkan beberapa jenis penulisan. Ia adalah seperti yang akan disebutkan:

Pertama: Penulisan yang bertumpukan kepada nas yang membesar (*al-muwassa'*)

Penulisan di dalam bentuk ini muncul secara rancaknya pada zaman Imam Sanūsī dengan wujudnya jenis penulisan yang berbentuk *Sharḥ*, *Hāshiyah*, *Turrah*, *Taqyīd*, *Ta'līq* dan sebagainya sepertimana yang telah disebutkan. Penulisan bentuk ini diistilahkan sebagai "*Ta'lif an-Naṣ al-Mīhwārī*". Penulisan yang bertumpukan kepada nas yang membesar (*al-muwassa'*) ia bermula dengan *matan* ataupun nas asal. Seterusnya nas yang asal berkembang kepada *Sharḥ* seterusnya *Hāshiyah*, seterusnya *Ta'līq* dan seterusnya *Taqyīd*.

Manakala *Turrah* pula, ia boleh mencakupi semua unsur-unsur yang disebutkan (*Sharḥ*, *Hāshiyah*, *Turrah*, *Taqyīd* dan *Ta'līq*). Dalam erti kata yang lain *Turrah* boleh wujud pada *Matan*, ataupun pada *Sharḥ*, ataupun pada *Hāshiyah*, ataupun pada *Ta'līq* ataupun *Taqyīd*. Penulisan

di dalam bentuk *al-Muwassa*¹⁷ boleh diringkaskan di dalam rajah di bawah.¹⁷



Antara contoh penulisan yang bertumpukan kepada nas yang membesar termasuklah karangan Imam Sanūsī *Umm al-Barāhīn* ataupun dikenali sebagai *Sughrā (Matan)*. *Matan* ini telah dihuraikan sendiri oleh Imam Sanūsī yang dikenali sebagai "Sharḥ Umm al-Barāhīn (Sharḥ)". Selepas itu datangnya Sheikh Abu Mahdī bin ‘Isa as-Suktanī (w.1061H) menulis satu karangan yang dikenali sebagai *Hāshiyah Umm al-Barāhīn (Hāshiyah)* yang mengupaskan *Sharḥ Umm al-Barāhīn* karangan Imam Sanūsī.

Contoh penulisan berbentuk *Taqyīd*

Sidi al-‘Arabi al-Fāsī (w.1052H) telah mengarang satu *taqyīd* ke atas teks *Sharḥ Umm al-Barāhīn* karangan Imam Sanūsī yang dikenali sebagai "Taqyīd fī Taqsīm al-Mukallafīn". Berikut merupakan helaian

¹⁷ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

manuskrip daripada "Taqyīd fi Aḥkam al-Mukallafīn" karangan Sidi al-‘Arabī al-Fāṣī berada di al-Khizānah al-Hassaniah Rabat, Maghribi bernombor: 12182



Contoh penulisan berbentuk *Turrah*


Adapun *Turrah* seperti mana yang telah disebutkan maka ia boleh berlaku kepada *Matan*, *Sharah*, *Hāshiyah*, *Ta’līq* dan *Taqyīd*. Gambar di bawah ialah contoh *Turar* "*Hāshiyah a'lā Syarḥ Umm al-Barāhīn*" karangan Abu Mahdī 'Isa as-Suktānī (w.1061H) wujud di al-Khizānah al-Hassaniyah, Rabat-Maghribi bernombor: 1241.



Kedua: Penulisan yang betumpukan kepada nas yang mengecil (*al-Mudayyaq*)

Penulisan di dalam bentuk nas *al-Mudayyaq* adalah satu penulisan yang bermula daripada penulisan yang besar dari segi isinya lalu diringkaskan di atas sebab-sebab tertentu sehingga menjadi kecil. Sebagai contoh satu penulisan di dalam satu ilmu dimulakan dengan sebuah buku, seterusnya diringkaskan buku asal tersebut kepada satu ringkasan, seterusnya ringkasan tersebut diringkaskan lagi menjadi ringkasan


ringkasan disebabkan faktor-faktor tertentu. Rajah dibawah menjelaskan bagaimana penulisan berbentuk *al-Muḍayyaq* ini disusun:¹⁸



Penulisan berbentuk *al-Muḍayyaq* ini boleh dicontohkan *silsilah al-'Aqā'id as-Sanūsiyyah*. Imam Sanūsī menyusun karya-karyanya di dalam ilmu akidah bermula daripada karyanya yang paling besar sehingga karyanya yang paling kecil. Ini bermula daripada susunan yang paling besar iaitu *al-'Aqīdah al-Kubrā*, kemudian *al-'Aqīdah al-Wusṭā*, kemudian *al-'Aqīdah as-Ṣughrā* (*Umm al-Barāhīn*), kemudian *Ṣughrā as-Ṣughra*, kemudian *Ṣughrā Ṣughrā as-Ṣughra* (*al-Hafīdah*)

¹⁸ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuoan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

dan kemudian *al-Mufidah*. Rajah di bawah menjelaskan bagaimana kronologi penyusunan *silsilah al-Aqā'id as-Sanūsiyyah*.¹⁹



Melalui rajah di atas kita dapat melihat bahawasanya *silsilah al-'Aqā'id as-Sanūsiyyah* ini ada padanya hubungan di antara satu sama lain. Oleh yang demikian, haruslah bagi pengkaji dan peneliti *al-'Aqā'id as-Sanūsiyyah* melihat silsilah ini sebagai satu bentuk keluarga.

Al-'Aqidah al-Kubrā seolah-olah datuk, kemudian *al-'Aqidah al-Wustā'* seolah-olah ayah, kemudian *Umm al-Barāhīn* seolah-olah ibu, kemudian *Sughrā as-Sughra* seolah-olah anak, kemudian *al-Hafidah* seolah-olah cucu, kemudian *al-Mufidah* seolah-olah cicit. Apabila seseorang bercakap dengan ibunya, laras bahasanya tidak seperti bercakap dengan anak, begitu juga jika seseorang bercakap dengan ayahnya laras bahasanya tidaklah seperti cucunya. Ini adalah apa yang dilakukan oleh Imam Sanūsī ketikamana menulis silsilah akidah ini.

¹⁹ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa'dī, Tetuoan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

Dengan kita memahami perkara ini, kita dapat menyimpulkan bahawa para ulama *mutakallimīn* meletakkan satu penulisan ataupun satu ringkasan sesuai dengan kumpulan sasaranya dan bersesuaian dengan tahap pemahaman *mutalaqqī*. Perkara ini selaras dengan apa yang digariskan di dalam agama Islam sepetimana diriwayatkan satu kata daripada Sayyiduna Ali bin Abi Tālib RA:

حَدَّثَنَا النَّاسُ بِمَا يَعْرِفُونَ، أَتَرِيدُونَ أَنْ يُكَذِّبَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ

Maksudnya: *Bercakaplah dengan manusia dengan apa mereka ketahui. Adakah kamu ingin mendustakan Allah SWT dan RasulNya.*²⁰

Kata-kata Sayyiduna Ali bin Abi Tālib RA ini menunjukkan kepada saranan dan tuntutan untuk menyusun satu kalam ataupun penulisan berdasarkan pemahaman sesuatu kumpulan sasaran. Sebaliknya, jika kalam yang dituturkan tidak sesuai dengan pemahaman *mukhātab* dan *mutalaqqī* maka perbuatan tersebut boleh membawa kepada pendustaan terhadap Allah SWT dan RasulNya. Maka tujuan yang sama yang diletakkan oleh Imam Sanūsī di dalam silsilah matan-matan akidah beliau.


Ketiga: Penulisan bersumberkan dalil dan penulisan tidak bersumberkan dalil

Apa yang dapat diperhatikan daripada *silsilah al-'Aqā'id as-Sanūsiyyah* ia mempunyai corak penulisan yang berbeza antara satu matan dan matan lain. Pada sesetengah daripada matan *al-'Aqā'id* ini ditulis tidak besertakan dalil pada setiap permasalahan akidah, sebagai contoh: *al-Hafidah*. Sebahagian besar daripada *silsilah al-Aqā'id as-Sanūsiyyah* ditulis bersertakan dalil. Secara umumnya matan-matan daripada silsilah ini terbahagi kepada bahagian:

- i. Dalil yang disebutkan bersama permasalahan akidah seperti: *al-'Aqīdah al-Kubrā*, *al-'Aqīdah al-Wustā* dan *Sughrā as-Sughra*.

²⁰ Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, ed: Mustafa Dib al-Bugha (Beirut, Dar Ibn Kathir, 1987), 1:59.

- ii. Dalil disebutkan selepas dinyatakan permasalahan akidah seperti: *Umm al-Barāhīn* dan *al-Hafidah*.²¹



Pembahagian yang disebutkan boleh dijelaskan di dalam rajah yang di bawah:

Apa yang dapat disimpulkan daripada pembahagian di atas ialah Imam Sanusi menulis akidah-akidah ini berdasarkan dalil ataupun tidak menyebut dalil berdasarkan kumpulan sasaran yang diingginkan kepada mereka akidah-akidah ini. Sebagai contoh, akidah *al-Hafidah* dikarangkan untuk golongan perempuan dan anak-anak kecil, maka ia sesuai untuk diletakkan padanya tanpa dalil. Adapun matan-matan yang disebutkan dalil pula sesuai bagi golongan ahli kalam dan pelajar-pelajar ilmu. Ini sesuai seperti disebut di dalam satu pepatah bahasa arab:

لكل مقامٍ مقالٌ


Maksudnya: *Pada setiap makam percakapan ada satu jenis ucapan.*

²¹ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuoan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

Keempat: *Nazam* yang mensyarahkan (*An-nażam as-Shāriḥ*)

Karya-karya Imam Sanūsī ini khususnya *Umm al-Barāhīn* selepas eranya telah mendapat penerimaan ramai daripada ulama-ulama *Ahli Kalām Asha‘irah*. Akan tetapi yang dilihat secara khususnya matan *Umm al-Barāhīn* ada sebahagian daripada ulama telah *mensyairkan* dan *menażamkan* karya ini. Antara bentuk *nażam* apa yang dikenali sebagai “*An-nażam as-Shāriḥ*”. Apa yang dimaksudkan dengan *An-nażam as-Shāriḥ* ini adalah satu bentuk *nażam* yang menghuraikan matan kerana kalam yang tersusun mengikut rima tertentu lebih mudah untuk dihafal daripada berbentuk susunan biasa yang dikenali sebagai *an-nathr*.

Antara matan yang disyarahkan di dalam bentuk *nażam* termasuklah matan *Umm al-Barāhīn*. Sheikh ‘Abu Abbas Alḥmad bin Muḥammad al-Maqqārī (w.1041H) yang telah mensyarah dan mengupas *Umm al-Barāhīn* di dalam bentuk *nażam* yang dikenali sebagai “*Idā’atu ad-Dujunnah fī I’tiqadi Ahli as-Sunnah*”. Rajah di bawah menunjukkan bagaimana *nażam* yang mensyarahkan (*an-Nażam as-Shāriḥ*) meluaskan skop matan *umm al-Barāhīn*:²²



²² Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuoan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

Kelima: Nazam yang meringkaskan (*An-Nazam al-Mukhtaṣir*)


An-Nazam al-Mukhtaṣir adalah salah satu bentuk *nazam* yang meringkaskan matan di dalam bentuk *nazam*. Jika Sheikh al-Maqqārī mengarang *nazam* mensyarahkan *Umm al-Barāhīn* maka Sheikh Abdul Wahid bin ‘Ashir al-Fāsī (w.1041H) mengarang satu *nazam* yang dikenali sebagai "*al-Murshid al-Mu‘īn ‘alā ad-Darūrī min ‘Ulūm ad-Dīn*" yang membahaskan berkenaan dengan ilmu feqah, akidah dan tasawwuf.

Pada awal *muqaddimah nazam* ini beliau telah meletakkan fasil meringkaskan semua perbahasan yang ada di dalam *Umm al-Barāhīn* dengan menamakannya sebagai "*kitab al-I‘tiqād*" sebanyak 35 rangkap mengisyaratkan kepada *Umm al-Barāhīn* Imam Sanūsī. Berikut perbandingan ringkasan Sheikh Ibnu ‘Ashir di dalam *nazamnya* dan *Umm al-Barāhīn* Imam Sanūsī:

| No. | Topik | <i>al-Murshid al-Mu‘īn</i> | <i>Umm al-Barāhīn</i> |
|-----|---|--|---|
| 1. | أقسام الحكم العقلي | وحكمنا العقلي قضيّة بلا *** وقفٍ على عادة أو وضع جلا | اعلم: أن الحكم العقلي ... |
| 2. | الكلام على المكلف | أول واجب على من كُلِّفَ *** ممكناً من نظرٍ أن يعرفنا | ويجب على كلّ مكّلّفٍ شرعاً أن يعرف ما يجب ... |
| 3. | الصفات الواجبة في حق الله سبحانه وتعالى | يجب لله الوجود والقدم *** كذا البقاء والغنى والمطلق العم | فمما يجب ملولاًنا جلّ وعزّ عشرون صفةً وهي: الوجود، والقدم، والبقاء ... |
| 4. | الصفات المستحبة حق الله سبحانه وتعالى | ويستحبّل ضِدّ هذه الصفات *** العدم الحدوث ذا للحداثات | وما يستحبّل في حقه تعالى عشرون صفةً - وهي أضداد العشرين الأولى - وهي: العدم، والحدث ... |
| 5. | الجائز في حق الله سبحانه | يجوز في حقه فعل الممكّنات *** | وأما الجائز في حقه تعالى ففعل كلّ ممكّن أو تركه |

| | | بأسِرِها وترُكُها في العَدَمَاتِ | |
|----|-----------------------|--|--|
| 6. | براهين الصفات الإلهية | <p>وجوده له دليل قاطع *** حاجة كل محدث للصانع لحدث بنفسها الأكوان *** لاجتمع التساوي والرجحان</p> | <p>أما برهان وجوده تعالى فحدوث العالم؛ لأنَّه لو لم يكن له محدثٌ بل حدث بنفسه لِمَ أن يكون أحد الأمرين المتساوين مُساواً لصاحبه راجحًا بلا سبب، وهو محالٌ...</p> |
| 7. | الكلام في النبوات | <p>يجب للرَّسُولِ الْكَرَامِ الصِّدْقُ *** أمانة تبليغهم يحق</p> | <p>وأما الرَّسُولُ عَلَيْهِم الصَّلَاةُ والسلام فيجب في حُقُّهم: الصدق والأمانة وتبليغ ما أُمِرُوا بتبليغه للخلق...</p> |
| 8. | كلمة الشهادة | <p>وقول لا إله إلا الله *** محمد أرسله الإله يجمع كل هذه المعاني *** كانت لذا علامَة الإيمان</p> | <p>ويجمُعُ معاني هذه العقائد كلّها قول: لا إله إلا الله محمد رسول الله... جعلها الشرع ترجمة على ما في القلب من الإيمان</p> |

Rajah di bawah menunjukkan bagaimana Nazam yang meringkaskan (*An-Nażam al-Mukhtaṣir*) meringkaskan skop matan *umm al-Barāhīn*:²³



Perkara ini menunjukkan ketinggian ilmu bahasa arab dan pemahaman terhadap *Umm al-Barāhīn* oleh Sheikh Ibnu 'Ashir kerana beliau dapat meringkaskan *Umm al-Barāhīn* dengan rangkap-rangkap yang sangat pendek.

Keenam: Penulisan yang menggunakan uslub *al-ihtibāk*

Uslub *al-ihtibāk* adalah satu gaya bahasa di dalam ilmu balaghah di dalam bahasa arab yang tidak disebutkan satu perkataan ataupun jumlah pada awalnya disebabkan wujud pada akhir frasa apa yang menujukkan padanya samada sama dengannya ataupun apa yang berlawanan dengannya. Begitu juga, satu perkataan ataupun jumlah yang tidak disebutkan pada akhirnya disebabkan wujud pada awal frasa apa yang sama dengannya ataupun apa yang berlawanan dengannya. Ini adalah sepertimana yang telah ditakrifkan:

²³ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

هو أَنْ يُحَذَّفَ مِنَ الْأَوَّلِ مَا جَاءَ نَظِيرَهُ أَوْ مَقْبَلَهُ فِي الْآخِرِ،
وَيُحَذَّفَ مِنَ الْآخِرِ مَا جَاءَ نَظِيرَهُ أَوْ مَقْبَلَهُ فِي الْأَوَّلِ²⁴

Perbahasan *al-ihtibāk* ini dibahaskan di dalam ilmu al-Badi‘ di dalam ilmu balaghah. Selain itu, uslub *al-ihtibāk* ini juga dikenali sebagai “*al-Hazf al-Muqābili*”. Ia juga ditakrifkan juga dengan:

وَهُوَ أَنْ يُحَذَّفَ مِنَ الْأَوَّلِ مَا أَثْبَتَ نَظِيرَهُ فِي الثَّانِيِّ، وَفِي الثَّانِيِّ مَا
أَثْبَتَ نَظِيرَهُ فِي الْأَوَّلِ²⁵

Maksudnya: *Ia merupakan suatu gaya bahasa di dalam bahasa arab yang tidak disebutkan sesuatu perkataan ataupun jumlah pada awalnya disebabkan dengan apa yang disebutkan lawanya pada tempat yang kedua, dan tidak disebutkan sesuatu perkataan ataupun jumlah pada tempat yang kedua disebabkan apa yang disebutkan lawanya pada tempat yang pertama.*

Tujuan gaya bahasa ini digunakan di dalam al-Quran untuk meringkaskan kalam, Allah SWT berfirman:

قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِتَنَتِ النَّفَّاتَاتِ فِتَنَةٌ تُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَآخْرِيٌّ
كَافِرٌ

Maksudnya: Sesungguhnya telah ada satu tanda bagi kamu pada peristiwa dua pasukan yang telah bertemu di medan perang; satu pasukan berperang pada jalan

²⁴ In‘am Qawwāl ‘Akkārī, *al-Mu‘jam al-Mufaṣṣal fi ‘Ulūm al-Balāghah: al-Ma‘ānī, al-Badi‘ al-Bayān*, (Beirut, Dar al-Kutub al-Imiyah, 2014), 34. Lihat juga: Jalāluddīn as-Suyūtī, ‘Uqūd al-Jumān fi al-Ma‘ānī wa al-Bayān, (Beirut, Dar al-Kutub al-Imiyah, t.t) 36.

²⁵ *Ibid*.34.


*Allah, dan yang satu lagi dari golongan kafir musyrik.*²⁶

Takdir ayat al-Quran ini mengikut uslub *al-ihtibāk* :

قَدْ كَانَ لَكُمْ آيَةٌ فِي فِتْنَيْنِ الْتَّقَتَا فِتْنَةً [مُؤْمِنَةً] (1) [تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ] (2) [وَأُخْرَى كَافِرَةً] (3) [تُقَاتِلُ فِي سَبِيلِ الطَّاغُوتِ] (4)

Maksudnya: Sesungguhnya telah ada satu tanda bagi kamu pada peristiwa dua pasukan yang telah bertemu di medan perang; satu pasukan (1) orang mukmin (2) berperang pada jalan Allah, dan (3) yang satu lagi dari golongan kafir musyrik (4) berperang pada jalan *at-Taghut*.

Jadinya, nombor 1 tidak disebutkan di dalam nas di atas disebabkan nombor 3 telah menunjukkan kepadanya. Begitu juga nombor 4 tidak disebutkan di dalam nas kerana nombor 2 telah menunjukkan kepadanya. Kaedah ini boleh diringkaskan melalui rajah di bawah:²⁷



²⁶ Surah *Āli 'Imrān*, 3: 13.

²⁷ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa'dī, Tetuoan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

Uslub *al-ihtibāk* ini digunakan di dalam *nazam* ini, contohnya apabila Sheikh Ibnu ‘Ashir ketika mana beliau menyebutkan *sifat ma’ānī* di dalam *nazam al-Murshid al-Mu’īn* beliau tidak menyebutkan sifat *al-ma’awiyyah*. Berkata Sheikh Ibnu ‘Ashir:

وَقُدْرَةُ إِرَادَةٍ عِلْمٌ حَيَاةٌ
سُنْعٌ كَلَامٌ بَصْرٌ ذِي الْوَاجِبَاتِ

Hal ini tidak bermaksud bahawa Sheikh Ibnu ‘Ashir merupakan sebahagian daripada *Ashā’irah* yang tidak mengistihbatkan ahwāl seperti Imam Abu al-Hasan Ash‘ari (w.324H) sedangkan Imam Sanūsī telah menyebutkannya *al-ma’awiyyah* di dalam *Umm al-Barāhīn*:

ثُمَّ سَبْعُ صَفَاتٍ تُسَمَّى: صَفَاتٌ مَعْنَوِيَّةٌ، وَهِيَ مُلَازِمَةٌ لِلسَّبْعِ الْأَوَّلِ،
وَهِيَ كَوْنُهُ تَعَالَى: قَادِرًا، وَمُرِيدًا، وَعَالِمًا، وَحَيًّا، وَسَمِيعًا، وَبَصِيرًا،
وَمُتَكَلِّمًا...

Walhal, Sheikh Ibnu ‘Ashir meringkaskan matan *Umm al-Barāhīn* sepertimana yang telah disebutkan. Hal ini kerana beliau menggunakan uslub *al-ihtibāk*. Ketika mana beliau beristidlal mengithbatkan sifat *al-ma’awiyyah* beliau tidak mengkhususkan istidlal untuk mengithbatkan sifat *ma’ānī*. Berkata Sheikh Ibnu ‘Ashir:

لَوْلَمْ يَكُنْ حَيًّا مُرِيدًا عَالَمًا
وَقَادِرًا لَمَّا رَأَيْتَ عَالَمًا

Kesimpulannya, Sheikh Ibnu ‘Ashir tidak mengithbatkan sifat *al-ma’awiyyah* ketika mana menyebutkan sifat *al ma’ānī* disebabkan sifat *al-ma’awiyyah* telah disebutkan ketika dalam proses *beristidlāl*. Sebaliknya beliau tidak beristidlalkan dengan sifat *al- ma’ānī* ketika mana beristidlalkan dengan sifat *al-ma’awiyyah* disebabkan sifat *al-ma’ānī* telah disebutkan ketika mengistihbat sifat *al-ma’awiyyah*. Inilah uslub yang dikenali sebagai *al-ihtibāk* di dalam bahasa arab.

Penggunaan uslub *al-ihtibāk* di dalam kalam ataupun *nazam* adalah satu mukjizat penyusunan al-Quran yang maknanya banyak dan ayatnya ringkas dan pendek. Ini sepertimana disebutkan bahawa:

الْإِعْجَازُ مِنَ الْإِعْجَازِ²⁸

Maksudnya: *Kalam ringkas itu adalah salah satu bentuk mukjizat.*

Disebabkan gaya bahasa yang digunakan di dalam *nażam* Ibnu ‘Ashīr ini merupakan satu gaya bahasa yang tinggi segi sasteranya maka *nażam* ini mendapat perhatian ramai daripada ulama Maghribi. Ramai daripada ulama datang selepas Ibnu Ashīr mensyarahkannya. Antara syarahan bagi *nażam* ini termasuklah:

Pertama: *As-Sharḥ al-Kabīr* karangan Muhammad al-Mayyārah al-Fāsī (w.1072).


Kedua: *As-Sharḥ as-Saghīr* karangan Muhammad al-Mayyārah al-Fāsī (w.1072).

Terdapat dalam kalangan ulama juga hanya mensyarahkan muqaddimah akidah daripada *nażam* Ibnu ‘Ashīr sahaja seperti karya karangan Sheikh Muhammad at-Toyyīb bin Kirān (w.1227H) yang bertajuk: "Sharh Tawhīd al-Murshid al-Mu‘īn". Selepas itu, karangan ini telah dihashiyahkan oleh Sheikh Abu ‘Ala’ Idris bin Ahmad al-Wazzānī (hidup pertengahan kurun 14 Hijrah) yang bertajuk: "an-Nashr at-Toyyib ‘alā Sharḥ as-Sheikh at-Toyyib".

²⁸ Makhlūf bin Muhammad al-Badawī, *Hāshiyah al-Badawī ‘alā Sharḥ Hilyah al-Lub al-Maṣūn*, (Casablanca-Maghribi, Dar al-Ma‘rifah, t.t), 128.

Ketujuh: Penulisan Dalam Bentuk *al-Muḥākamah* (Pengadilan)

Penulisan dalam *al-Muḥākamah* di dalam ilmu kalam bukanlah satu bentuk penulisan yang khusus pada era selepas zaman Imam Sanūsī. Akan tetapi ia sudah bermula semenjak awal perkembangan ilmu kalam itu sendiri. Begitupun, penulisan di dalam bentuk ini diteruskan disebabkan wujudnya permasalahan di dalam perbahasan ilmu kalam. Rangka bentuk gaya penulisan ini adalah seperti rajah di bawah:²⁹



Penulisan berbentuk *al-Muḥākamah* adalah satu penulisan yang wujud dengan wujudnya penulis yang pertama yang menulis dalam sesuatu topik. Seterusnya, datang penulis yang kedua mengkritik penulisan yang pertama. Setelah itu, datang penulis yang ketiga mengadili di antara penulisan yang pertama dengan penulisan yang kedua.

²⁹ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuoan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

BENTUK PENULISAN BERUNSURKAN *AL-MUHĀKAMAH*

Jika satu pengadilan perlu ketikamana berlakunya pertikaian di antara dua belah pihak yang bertelingkah, sudah tentu juga jika masalah berbentuk ilmu dan pemikiran berlaku padanya satu pertelingkahan, maka ia lebih layak untuk diadili dan dihakimi.

Hakim yang mengadili di antara dua pihak yang berlaku pertikaian bukanlah orang biasa kerana tidak semua orang boleh mengadili. Selain itu, hakim perlulah terdiri seorang yang berautoriti di dalam perkara-perkara yang diadili. Begitu juga dalam penulisan yang berbentuk *al-Muḥākamah*, penulis yang menghakimi di antara dua penulisan perlulah mempunyai autoriti di dalam bidang tersebut.

Al-Muḥākamah (pengadilan) di antara dua penulisan boleh mengklasifikasikan hukum pengadilan kepada 4 jenis bentuk penghukuman:


- i. *Al-Intiṣār* (Pembelaan)
- ii. *Al-Intiqād* (Kritikan)
- iii. *At-Tawfiq* (Pengumpulan)
- iv. *At-Tawaqquf* (Tidak berpihak kepada mana-mana pihak)

Begitu juga orang yang didakwa di mahkamah mungkin dibebaskan kerana tidak bersalah ataupun dipenjara ataupun disebat ataupun dijatuhi hukuman yang berat. Begitu juga perkara yang sama perlu dilakukan dalam masalah-masalah ilmu khususnya di dalam bidang akidah.

Penulisan *al-Muḥākamah* pada kurun 3 Hijrah

Pada kurun 3 Hijrah Abu Uthmān al-Jāhiẓ (w.255H) menulis satu buku bertajuk *Fadīlat al-Mu‘tazilah*. Selepas itu datang Ibnu Rawandī (hidup kurun ke-3 Hijrah) menulis satu buku menolak penulisan al-Jāhiẓ bertajuk *Fada‘ih al-Mu‘tazilah*.


Setelah itu, datang salah seorang daripada ulama Mu‘tazilah yang dikenali sebagai Abu al-Hasan al-Khayyāt (w.325H) dengan satu karangan yang mengadili di antara al-Jāhiẓ dan Ibnu Rawandī yang bertajuk: “*al-Intiṣār wa ar-Radd ’alā Ibnu Rawandī al-Mulhid*. Contoh *al-Muḥākamah* ini dapat diringkaskan seperti jadual di bawah:³⁰



³⁰ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

Al-Muḥākamah di antara Al-Ghazali dengan Ahli Falsafah

Antara *al-Muḥākamah* di dalam medan ilmu kalām, *al-Muḥākamah* di antara Imam al-Ghazāli (w.505H) dan Ibnu Rushd (w.595H) yang zahir pada penghujung 9 hijrah yang dihakimi oleh Khaujah Zādah (w.893H) dan ‘Ala’uddīn at-Ṭūsī (w.877H). Ia pada hakikatnya *Al-Muḥākamah* bukan hanya sekadar di antara Al-Ghazali dan Ibnu Rushd sahaja, bahkan di antara ahli falsafah yang lain seperti al-Farābi (w.339H) dan ibnu Sīna (w.427H). *Al-Muḥākamah* ini dapat disimpulkan di dalam rajah di bawah:³¹



³¹ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

Al-Muḥākamah dalam masalah Lā ilāha illaAllāh (Kalimah Shahādah) selepas zaman Imam Sanūsī

Tidak syak lagi Imam Sanūsī membawa pengaruh baru di dalam perkembangan Ilmu Kalam di Barat Dunia Islam berdasarkan karangan-karangan akidah beliau secara khususnya "*Umm al-Barāhīn*". Antara penulisan berbentuk *al-Muḥākamah* yang berlaku pada kurun ke-10 Hijrah termasuklah perdebatan tentang "*al-Kalimah As-Shahādah*". Sebab permulaan perdebatan ini berasal daripada teks *Umm al-Barāhīn*:

وَيُجْمِعُ هَذِهِ الْعَقَائِدَ قَوْلُ "لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ"


Maksudnya: (*Qaul Lā ilāha illaAllāh ini telah mengumpulkan semua makna akidah-akidah ini*)

Perbahasan tentang "*al-Kalimah As-Shahādah*" ini mula mendapat perhatian oleh ulama *mutakallimīn* selepas Imam Sanūsī diantaranya Sheikh Ali al-Kharrūbi (w.963H) dengan mengarang sebuah karangan yang bertajuk: *Muzīl al-Labs ‘inda al-Qawa‘id al-Khams* ketika mana berkunjung ke Kota Fes. Pendapat al-Kharrūbi telah mendapat tentangan oleh Mufti Fes Muhammad al-Yassītni (w.959H)³² dan menulis karangan bertajuk "*ar-Radd ‘alā man Za‘ama ‘anna La ilāha illāAllah lā Yantafti Bihā Ulūhiyyat Ṣanam wa Ghairihi*".

Selepas itu, pendapat al-Kharrūbi dan al-Yassītni telah diteliti oleh Sheikh Abdulllah al-Habtū (w.963H) yang merumuskan bahawa kedua-dua mereka melakukan kesalahan dalam mentafsirkan makna "*al-Kalimah as-Shahādah*" dan mengarang satu penulisan membetulkan kesalahan-kesalahan ini bertajuk "*Taqyīd haula Lā ilāha illaAllāh*".

³² Nama ini banyak berlaku padanya *tahrif* di dalam buku-buku sejarah di Maghribi. Betulnya apa yang penulis sebutkan kerana al-Yassītni adalah nisbah kepada satu perkampungan barbar di Maghribi. Lihat: Ahmad al-Manjūr al-Fāsī, *Fihris Aḥmad al-Manjūr*, ed: Muhammad Ḥajjī, (Rabat, Dar al-Maghrib, 1396H), 29. Lihat juga: Muhammad bin al-Hasan al-Ḥajwī, *al-Fikr as-Sāmī fī Tārikh al-Fiqh al-Islāmī*, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1416H), 2:316.

Bentuk penulisan-penulisan *al-Muḥākamah* berkenaan kalimah shahādah ini boleh diringkaskan di dalam rajah di bawah:³³



Selepas berlaku *al-Muḥākamah* ini, para ulama di Maghribi terbahagi kepada 2 kumpulan. Pertama, berpihak kepada Sheikh Abdullah al-Habtī. Kedua, berpihak kepada Mufti Fez Muhammad al-Yassītni.

Selepas kewafatan Abdullah al-Habtī pada tahun 963 Hijrah perdebatan berkenaan "*al-Kalimah as-Shahādah*" terus dibincangkan di antara dua belah pihak. Di antara golongan yang berpihak kepada Sheikh Abdullah al-Habtī anaknya iaitu Sheikh Muhammad al-Habtī (w.1001H) kebanyakannya penulisannya berkenaan "*al-Kalimah as-Shahādah*" adalah pemikiran yang diletakkan asasnya oleh ayahnya, di antaranya:

³³ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

Pertama: *Taqyīd fī Ma'na Kalimah at-Tauhīd wa Tahqiq Nafyihā wa Ithbātiha bi Tariq al-Had wa al-Burhān.*

Kedua: *Kanz as-Sa'ādah fī Bayān ma Yaḥtāju ilayhi man Nataqa bi Kalimah as-Shahādah.*

Ketiga: *Kashf al-Ghiṭā' 'Anma waqa'a fī Haqiqat al-ilāh mina Khata'.*

Keempat: *Jawab 'an ma 'na al-Kulliy wa al-kul wa al-kulliyah wa Al-Juz'iy wa al-Juz' iyyah wa mā yata'alla bima 'na kalimah as-Shāhadah mihā.*

Manakala golongan yang menyokong pendapat al-Yassītni adalah seperti Abu 'Abbās Al-Manjūr (w.995H) murid al-Yassītni, Sidi Abdul Qādir al-Fāsī (w.1091H), Sidi al-'Arabī al-Fāsī (w.1052H) di dalam penulisan yang berjudul "Ta 'liq 'alā Taqyīd ma 'na La ilāha illā Allāh", ia merupakan satu kritikan terhadap risalah Sheikh Abdullah Al-Habtī yang disebutkan. Juga risalah ini dikenali sebagai *Jawab 'an Ma 'na la ilāha illā Allāh wa a'n Maqsud ma Ihtawat min Nafiy wa Ithbāt*.

Manakala ada pula golongan yang bersependapat dengan Sheikh Abdullah al-Habtī dan menyokongnya, antaranya:

- i. Abdul Wahhāb bin Muhammad az-Zaqqāq (w.956H)
- ii. Muhammad bin Jalāl at-Tilimsānī (w.981H)
- iii. Hasan bin Yusuf 'Ardūn
- iv. Ahmad bin Hasan 'Ardūn (w992H)
- v. Ahmad as-Sūsī al-Būsīdī (w.1046H)
- vi. Sheikh Ahmad bin Abdul Aziz as-Sijilmāsī al-Hilālī (w.1175H). Beliau menulis fatwa membela al-Habtī dikenali sebagai "*Jawāb as-Sijilmāsī 'an al-Istithna' fī Kalimati as-Shahādah.*"

- vii. Sheikh Abu 'Ala' Idris bin Ahmad al-Wazzānī (hidup petengahan kurun 14 Hijrah)
- viii. Sheikh Abu al-Mawāhib al-Ḥasan bin Mas'ūd al-Yūsī (w.1102H).

Sheikh al-Yūsī dalam karyanya: "*Mashrab al-'Am wa al-khās min Kalimah al-Ikhlās*" telah merumuskan masalah ini dengan mendokong pendapat yang telah dilontarkan oleh Sheikh Abdullah al-Habtī.³⁴


Apa yang boleh diketengahkan berkenaan karya agung ini apa yang disebutkan oleh Sheikh Abu 'Ala' Idris bin Ahmad al-Wazzānī (hidup petengahan kurun 14 Hijrah) bahawa ketika mana beliau menulis kitabnya yang bertajuk: "*Ahlu al-Īmān wa as-Sa'adah fi ma yata'allaqa bi kalimah as-Shahādah*" beliau telah bersepappendat dengan pendapat ulama Fez yang tidak bersetuju dengan Imam al-Habtī seperti al-Yassītni, Abu 'Abbās al-Manjūr, Sidi al-'Arabī al-Fāsī dan Sidi Abdul Qādir al-Fāsī kerana beliau tidak merujuk karya Sheikh al-Yūsī (*Mashrab al-'Amm wa al-Khās*). Hal ini kerana nuskah *Mashrab al-'Amm wa al-Khās* yang ada sedikit dan belum lagi dicetak. Ketika mana beliau melihat karya Sheikh al-Yūsī maka beliau insaf dan kembali kepada apa yang dikatakan oleh Sheikh Abdullah al-Habtī dengan mentakwilkan apa yang telah disebutkan berkenaan dengan masalah ini dan beliau berkata pada akhir kitab "*Ahlu al-Īmān*":

Aku telah menarik dengan apa yang aku telah katakan. Selain itu, "*Mashrab al-'Am wa al-khās min Kalimah al-Ikhlās*" merupakan al-Muḥakamah Peringkat Kedua diantara al-Habtī dan ulama Fes.³⁵

³⁴ Lihat juga: Sidi Idrīs bin Ahmad al-Wazzānī, *an-Nashr at-Tayyib 'alā Sharh as-Shaikh aṭ-Tayyib*, (Kaherah, al-Maṭba'ah al-Misriyyah bi al-Azhār, 1384H), 2:218.

³⁵ Abu al-Mawāhib al-Ḥasan bin Mas'ūd al-Yūsī, *al-Qānūn fī Aḥkām al-'Ilm wa Aḥkām al-'Ālim wa Aḥkām al-Muta'allim*, ed: Ḥamid Hammānī al-Yūsī (El-Muhammadia-Maghribi, Matba'ah Fadalah, 2013), 74-75.

Boleh dijelaskan *al-Muḥākamah* yang dilakukan oleh Sheikh al-Yūsī melalui kitabnya *Mashrab al-‘Amm wa al-Khās* berdasarkan rajah di bawah.³⁶



Selain itu, perbahasan ini (yakni perbahasan berkenaan kalimah Shahādah) pengaruhnya sangat luas sehingga dibincangkan di dalam perbahasan Ilmu Mantiq pada perbincangan makna "al-kulliy" bagi kalimah "al-Ilāh" oleh Sheikh Abu Abdillah Muhammad bin Ḥasan al-Bunānī (w.1194H). Selepas itu dipanjangkan lagi perbahasan ini oleh Sidi Abdullah bin Siddīq al-Ghumārī (w.1413H) di dalam karangannya yang berjudul: "*at-Tawaqqī wa al-Istinzāh ‘an Khata’ al-Bunānī fi ma ‘nā al-Ilāh*".³⁷

³⁶ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

³⁷ Abdullah bin Siddīq, *Mawsū‘ah al-‘Allāmah al-Muhaddith Sīdī Abdullah bin Muhammad bin Siddīq al-Ghumārī*, ed: Maḥmūd Sa‘id Mamdūh, (Malaysia: Markaz al-Buhūs wa ad-Dirāsāt bi Kulliyah as-Ṣafā, 1438H), 15:453.

Al-Muḥākamah di dalam masalah taqlīd dalam Aqidah di as-Sijilmāsah, Maghribi


Antara contoh *al-Muḥakamah* lain yang berlaku selepas era Imam as-Sanūsī termasuklah pengadilan Sheikh Abu Sālim al-‘Ayyashī (w. 1090H) dalam masalah *taqlīd di dalam usūlu ddīn* diantara dua ulama daripada Sijilmāsah, yakni Sidi Muhammad Abi al-Mahallī (w.1022) dan Sidi Mubārāk al-‘Anbārī (w.1090H).

Kisah pengadilan ini bermula ketika mana Abu al-Mahallī dan pengikutnya keluar mengerjakan *al-’amr bi al-ma’rūf wa an-nahy i ‘an al-munkar* sehingga dipersoalkan setiap seorang tentang masalah *furu’ akidah*. Maka sesiapa yang tidak dapat menjawabnya dengan betul akan dikafirkan. Beliau juga telah menulis pelbagai risalah dan syair-syair untuk menyampaikan perkara tersebut sehingga masyarakat di Sijilmāsah terasa risau dengan sikap ekstremis beliau yang mengkafirkan masyarakat Sijilmāsah dengan isu khilaf pada furu’ ilmu akidah.

Selepas itu, datang Sheikh Sidi Mubārāk al-‘Anbārī menyangkal apa yang dilakukan oleh Abu al-Mahallī dengan menulis satu karangan berjudul “*al-Kashf wa at-Tabyīn*”. Kemudian, berlaku pergaduhan di antara dua golongan sehingga menyebabkan pertumpahan darah. Selepas itu, datang Sheikh Abu Sālim al-‘Iyyāshī menghukumi di antara dua golongan ini dengan menulis satu karya bertajuk: “ *al-Hukm bi al-’Adl wa al-Inṣāf ar-Rāfi’ lil al-Khilāf* ”.³⁸

³⁸ Abu Sālim al-‘Iyyāshī, *al-Hukm bi al-’Adl wa al-Inṣāf ar-Rāfi’ lil al-Khilāf*, (Maghribi, Wizarah al-Awqaf wa as-Shu’un al-Islamiyyah al-Mamlakah al-Maghribiyah, 2015), 1:115-123.

Boleh digambarkan *al-Muḥakamah* yang diadili oleh Sheikh Abu Sālim al-‘Iyyāshī berdasarkan rajah di bawah:³⁹



KESIMPULAN

Boleh disimpulkan pada akhir perbahasan ini bahawasanya ilmu kalām selepas era Imam Sanūsī terus berkembang seperti era-era sebelumnya. Secara khususnya, karya-karya Imam Sanūsī telah mendapat penerimaan ramai daripada ulama *mutakallimīn* samada di Barat Dunia Islam ataupun Timur Dunia Islam, bahkan sehingga ke Tanah Melayu.

Dengan wujud *silsilah al-‘Aqāid* karangan Imam Sanūsī bermula daripada *al-‘Aqīdah al-Kubrā*, *al-‘Aqīdah al-Wusṭā*, *al-‘Aqīdah as-Sughrā* (*Umm al-Barāhīn*), *Sughrā as-Sughra*, *Sughrā Sughrā as-Sughra*

³⁹ Khālid Zahri, (Profesor, Jabatan Pemikiran Islam dan Falsafah, Fakulti Usūluddīn, Universiti Abdel Malik as-Sa‘dī, Tetuoan-Maghribi), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2021.

(*al-Hafīdah*) dan *al-Mufīdah* yang diletakkan sesuai dengan tahap *mutalaqqi* akidah-akidah ia memberi idea dan ilham baru kepada para ahli kalam selepas Imam Sanūsī untuk menulis satu penulisan berteraskan satu nas (*Ta'lif an-Naṣ al-Mihwārī*) samada dalam bentuk *al-muwassa* ' ataupun *al-mudayyaq*.

Perkara ini menunjukkan kepada satu inovasi, kreativiti dan perkembangan penulisan selepas zaman Imam Sanūsī. Perkara ini juga dalam masa yang sama merupakan salah satu bukti yang menolak dakwaan sesetengah golongan mengatakan bahawa ilmu islam bermula pada kurun ke-9 Hijrah sudah mula *jumūd* dan harakah ilmiyah sudah tidak lagi bergerak aktif seperti kurun-kurun sebelumnya.

Selain itu, dengan zahirnya beberapa jenis bentuk penulisan seperti: *Sharḥ*, *Hāshiyah*, *Turrah*, *Taqyīd*, *Ta'līq* dan sebagainya membuktikan satu jenis kreativiti ulama dalam penulisan yang hanya tidak cukup hanya penukiran pendapat-pendapat sahaja. Hal ini kerana tujuan daripada penulisan-penulisan seperti ini dimaksudkan denganya beberapa tujuan seperti:

- i. Kritikan ke atas nas asal, seperti *taqyīd* Sidi al-'Arabi al-Fāsī.
- ii. Syarahan matan, seperti syarahan-syarahan Imam Sanūsī ke sebahagian *silsilah al-'Aqāid* beliau contohnya: Syarah Akidah al-Kubra, Syarah Akidah *al-Wustā* dan Syarah kepada *Umm al-Barāhīn*.
- iii. *Al-Muḥākamah* (pengadilan) antara dua buah penulisan, seperti tulisan Sheikh Abdullah al-Habtī mengadili antara al-Yassītni dan al-Kharroūbī.

Begitu juga, *Hāshiyah* dan *Turrah* jika dilihat banyak ditulis pada sesuatu nas ataupun matan menunjukkan kepada kepentingan nas tersebut dan keunikannya yang boleh menarik perhatian ramai daripada ulama untuk menulis *Hāshiyah* ataupun *Turrah* pada sesuatu matan tersebut.

Perkara yang disebutkan ini juga boleh menolak dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan:

من قرأ الحواشـي خـرج بـدون شـيء

من قـرأ الحـواشـي ما حـوى شـيء⁴⁰

Maksudnya: *Barang siapa membaca Hāshiyah akan keluar daripada pembacaanya dengan tangan yang kosong.*

Selain daripada itu, perkembangan penulisan di dalam mazhab ash'ari adalah berasaskan satu konsep dalam mazhab akidah ash'ari yang dikenali sebagai konsep pengetahuan (*Nazariyah al-Ma'rifah*). Pengetahuan ataupun *al-ma'rifah* ini merupakan syarat kepada iman dan syarat kepada *al-ma'rifah* adalah *an-naṣar* seperti mana yang telah disebutkan oleh Imam al-Juwainī. Oleh yang demikian, *taqlīd* itu adalah satu perkara yang dikeji di dalam manhaj akidah. Disebabkan itu, *ruh naqd* di dalam mazhab ash'ari hadir dalam setiap penulisan ulama' *Ashā'irah*.

Selain daripada itu juga, antara peranan mazhab Ash'ari termasuklah mendidik masyarakat, yakni dengan meletakkan matan-matan akidah yang mudah dari segi nazam ataupun nathar seperti: *Muqaddimah* Ibn 'Āshir, *al-Hafīdah*, *al-Mufidah* dan sebagainya untuk memudahkan masyarakat daripada pelbagai lapisan umur untuk memahami akidah *Ahlu as-Sunnah wa al-Jamā'ah* dan tidak terpengaruh dengan ideologi dan agenda yang sesat.

Akhirnya, sebagai satu cadangan dengan apa yang didapati daripada hasil kajian ini, boleh diwujudkan satu kajian mengkaji perkembangan penulisan mazhab Ash'ari di Tanah Melayu. Seharusnya langkah pertama yang perlu diikuti adalah dengan mengumpul semua jenis karangan yang ditulis oleh ulama melayu berkenaan akidah. Seterusnya, dilihat kepada isinya. Selepas itu, dikaji bagaimana bentuk gaya penulis yang dikreativitikan oleh ulama di bumi melayu ini

⁴⁰ Yūsuf Abdurrahmān Mar'ashlī, *Usūl Kitābati al-Bahs al-'Ilmī wa Tahqīq al-Makhtūtah* (Beirut, Dar al-Ma'rifah, 2003), 295.

bagaimana berkembangnya penulisan ilmu akidah dibahaskan mengikut pembahagian zaman dan fasa masa tertentu.

RUJUKAN

- Abderrahman al-A'zawi, *Tarikh al-Maghrib al-Arabi fi al-a'sr al-Islami*. Jordan: Dar al-Khalij, 2017M.
- Abdullah bin Siddīq, *Mawsū 'ah al-'Allāmah al-Muhaddith Sīdī Abdullah bin Muhammad bin Siddīq al-Ghumārī*, ed: Maḥmūd Sa'īd Mamdūh. Malaysia: Markaz al-Buḥus wa ad-Dirāsāt bi Kulliyah as-Şafā, 1438H.
- Abu Abdillah Muhammad bin Yūsuf Sanūsī, *Sharh al-Muqaddimah*, ed: Nizar Hammadi. Beirut: Maktabah al-Maarif, 2009M.
- Abu al-Mawāhib al-Ḥasan bin Mas'ūd al-Yūsī, *al-Qānūn fī Aḥkām al-'Ilm wa Aḥkām al-Ālim wa Aḥkām al-Muta'allim*, ed: Ḥamid Hammānī al-Yūsī, El-Muhammadiyah-Maghribi. Matba'ah Fadalah, 2013M.
- Abu Mahdī 'Isa as-Suktānī, *Ḩāshiyah a'lā Sharḥi Umm al-Barāhīn*. Manuskrip No. 1241. Rabat: al-Khizānah al-Hassaniyyah.
- Abu Sālim al-'Iyyāshī, *al-Hukm bi al-'Adl wa al-Inṣāf ar-Rāfi' lil al-Khilāf*. Maghribi: Wizarah al-Awqaf wa as-Shu'un al-Islamiyyah al-Mamlakah al-Maghribiyyah, 2015M.
- Aḥmad al-Manjūr al-Fāsī, *Fihris Aḥmad al-Manjūr*, ed: Muhammad Hajjī. Rabat: Dar al-Maghrib, 1396H.
- Aḥmad al-Maqqarī at-Tilmisānī, *Idā'atu ad-Dujunnah fī i'tiqād ahli as-Sunnah*, Beirut Dār al-Fikr. t.t.
- Aḥmad al-Maqqarī at-Tilmisānī, *Nafḥu at-Tib min Ghuṣni al-Andalusi ar-Raṭīb*, ed: İhsān 'Abbās. Beirut: Dar Ṣādir, 1429H.
- Ahmad bin Muhammad al-Maqqarī at-Tilmisānī, *Azhār ar-Riyād fī Akhbār 'Iyād*. Maghribi: Sanduq Ihya at-Turath. t.t.
- Aḥmad Shauqī Bīnbīn & Mustafā Ṭuobi, *Mu'jam Mustalah al-Makhtut al-A'rabi "Qāmus Kodikologi"*. Rabat: al-Khizānah al-Hassaniyyah, 2015M.
- Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, ed: Mustafa Dib al-Bugha. Beirut: Dar Ibn Kathir, 1987M.
- In'am Qawwāl 'Akkārī, *al-Mu'jam al-Mufaṣṣal fi 'Ulūm al-Balāghah: al-Ma'ānī, al-Bādi ' al-Bayān*. Beirut: Dar al-Kutub al-Imiyyah, 2014M.

- Jalāluddīn as-Suyūtī, ‘*Uqūd al-Jumān fī al-Ma‘ānī wa al-Bayān*. Beirut: Dar al-Kutub al-Imiyah, t.t.
- Khālid Zahrī, *Al-Maṣādir al-Maghribiyah li al-‘Aqīdah al-Ash‘ariyyah*. Maghribi: al-Rābiṭah al-Muḥammadiyyah li al-‘Ulamā’, 2017M.
- Makhlūf bin Muḥammad al-Badawī, *Hāshiyah al-Badawī ‘alā Sharḥ Hilyah al-Lub al-Maṣūn*. Casablanca-Maghribi: Dar al-Ma‘rifah, t.t.
- Muhammad al-Mannūnī, *Waraqāt ‘an Hadārah al-Marīniyyīn*. Maghribi: Universiti Muhammed V, Rabat, 1420H.
- Muhammad bin ‘Askar al-Shafshaunī, *Dauḥat an-Nāshir li Maḥāsin man kāna bi al-Maghrib min Mashāyikh al-Qarn al-Āshir*. ed: Muhammad Hajjī. Maghribi: Dar al-Maghrib, 1997M.
- Muhammad bin al-Hasan al-Hajwī, *al-Fikr as-Sāmī fī Tārikh al-Fiqh al-Islāmī*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1416H.
- Muhammad bin Ja‘far al-Kattānī, *Salwatu al-Anfās wa Muḥādathatu al-Akyās biman Uqbira min al-‘Ulāma’ wa aṣ-Ṣulahā’ bi Fās*, ed: Muhammad Ḥamzah al-Kattānī. t.tp.: t.p., t.t.
- Muhammad bin Yūsuf Sanūsī, *Sharḥ al-‘Aqīdah al-Ṣughrā*, ed.: Anas Muḥammad ‘Adnān al-Sharfawī. Syria: Dār al-Taqwā, 2019M.
- Muhammad Makhlūf, *Shajarah an-Nūr az-Zakiyyah fī Tabaqāt al-Mālikiyah*. Beirut: Dar Fikr, t.t.
- Sidi al-‘Arabi al-Fāsī, *Taqyīd ‘alā ta‘līq ma‘nā La ilāha illā Allāh*, Manuskrip No. XXX. Rabat: al-Khizānah al-Hassaniyyah.
- Sidi Al-‘Arabī Al-Fāsī, *Taqyīd fī Aḥkam al-Mukallafīn*, Manuskrip No. 12182. Rabat: al-Khizānah al-Hassaniyyah.
- Sidi Idrīs bin Ahmad al-Wazzānī, *an-Nashr at-Tayyib ‘alā Sharḥ as-Shaikh aṭ-Ṭayyib*. Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Misriyyah bi al-Azhār, 1384H.
- Yūsuf Abdurrahmān Mar‘ashlī, *Usūl Kitābati al-Bahs al-‘Ilmī wa Taḥqīq al-Makhṭūṭah*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah, 2003M.
- Yūsuf İhnānah, *Taṭawwur al-Mazhab al-Ash‘arī fī al-Gharb al-Islāmī, Maghribi*. t.tp.: Wizarah al-Awqaf wa as-Shu‘un al-Islamiyah, 2017M.